

11/1/2018 M/S 21 Sinar Harian

Pesta udang di Dungun

Lambakan pelbagai jenis udang segar, sebuah bot bawa pulang hingga 150kg sehari

Walaupun berlaku lambakan, tetapi harga udang ketika ini tidak murah.



Seorang nelayan menunjukkan udang segar yang baru diturunkan dari bot.



DUNGUN - Pasar Besar Dungun bagaikan pesta apabila berlaku lambakan udang segar sejak hampir dua minggu lalu.

Pelbagai spesies seperti udang harimau, udang kara, udang solo dan udang minyak dilambakkan dan dilelong apabila musim tengkujuh berakhir, tetapi harga ditawarkan tidak murah kerana keadaan cuaca masih tidak menentu diselangi ombak besar yang menyukarkan nelayan turun ke laut.

Bagaimanapun, keadaan ini amat ditunggu-tunggu nelayan dan pemburu udang kerana pendapatan mereka akan berlipat ganda.

Bukan sahaja nelayan pukat tunda memperoleh untung besar, bahkan bagai kenduri bagi orang tengah atau peniaga yang membeli secara borong kerana pendapatan sehari

mencecah hampir RM20,000.

Nelayan yang juga-peniaga, Abdul Halim Abdullah, 56, berkata, dua hingga tiga tan udang berjaya dibawa naik nelayan pukat tunda pada waktu ini, sedangkan kebiasaannya tidak mustahil ada nelayan pulang tangan kosong.

"Pesta udang bermula minggu lepas, tapi paling banyak minggu ini. Hasil juga agak luar biasa tahun ini, sebuah bot yang keluar awal pagi hingga petang boleh bawa pulang 100 hingga 150 kilogram (kg) udang sehari.

"Harga dijual pada orang ramai agak berpatutan, tapi taklah murah. Udang harimau dijual sekitar RM90 hingga RM140 sekilo, kalau bulan lain harga lebih mahal. Tiga hari lepas udang minyak paling murah cecah RM10 sekilo, sedangkan bulan

INFO

Peniaga memperoleh hasil jualan mencecah RM17,000 hingga RM19,000 sehari

biasa sekitar RM40," katanya.

Menurutnya yang berpengalaman lebih 40 tahun sebagai nelayan, keadaan ini tidak lama dan akan kembali normal sebaik sahaja sambutan Tahun Baru Cina.

"Memang untunglah musim ini sebab nelayan dan peniaga boleh untung lebih lima kali ganda. Bukan semua nelayan rasa kelebihan ini sebab tangkapan udang hanya dilakukan nelayan bot pukat tunda. Tangkapan biasanya dilakukan sekitar empat hingga lima batu nautika dari pantai," katanya.

Raih RM19,000 sehari

Peniaga dikenali sebagai Peyek, 29, berkata, dia memperoleh hasil jualan mencecah RM17,000 hingga RM19,000 sehari pada musim sekarang.

"Sehari saya beli borong 300 hingga 400 kilo udang dari nelayan dan jual semula dengan harga lain kepada pelanggan. Pesta seperti ini tak lama, sekitar tiga minggu saja.

"Ketika inilah kami akan dapat untung berganda. Jika bulan lain saya untung RM300 sehari, tapi sekarang berganda-ganda mencecah RM4,000 sehari selepas ditolak modal dari hasil jualan mencecah RM19,000," katanya.

Menurut seorang lagi peniaga,



Ratusan kilogram udang yang baru dibawa naik nelayan.

Wan Mohd Ridzwan Wan Mokhtar, 31, menyeronokkan apabila dapat berniaga pada musim sekarang kerana boleh mengaut habuan lebih.

"Setahun sekali saja pesta udang ini berlaku, saya mengeluarkan modal RM6,000 untuk beli lebih 300kg udang. Udang harimau paling dapat sambutan walau harga lebih mahal. Udang sebanyak itu boleh dijual dalam masa sehari saja," katanya.

Gadai nyawa harungi ombak besar

Sementara itu, nelayan, Mohd Noor Abd Rahman, 52, berkata, peniaga dan pembeli berpesta kerana udang banyak, sebaliknya nelayan tetap berdepan bahaya ketika turun ke laut untuk membawa hasil tangkapan yang lumayan.

"Saya turun 10 malam dan balik

6 pagi untuk tangkap udang. Lebih 100kg udang dibawa naik setiap hari, memang banyak sebab bulan-bulan biasa kami selalu balik dengan tangan kosong.

"Musim ini memang digemari sebab boleh tambah pendapatan, tapi kami tetap berkorban masa, tenaga dan berdepan bahaya. Cuaca sekarang masih tak menentu dan hasil akan kurang kalau ombak besar sebab boleh mengancam nyawa nelayan," katanya.

Bagi Pengerusi Persatuan Nelayan Daerah Dungun, Alauddin Ali, musim sekarang adalah rezeki untuk nelayan pukat tunda dan kali ini paling lumayan.

"Musim kali ini agak berlainan sebab hasilnya lebih banyak dan suasana di pasar juga lebih meriah," katanya.



Pesta udang hanya berlaku setahun sekali selepas tengkujuh.